

BULETIN

PERPUSTAKAAN

EXCLUSIVE IN THIS ISSUE

- Pertandingan Debat UTM
- Perpustakaan Urus
- Penerbitan UTM

- Database Workshop
- E-Resources
- Aktiviti Perpustakaan



PERTANDINGAN DEBAT MAHASISWA UTM 2014 SERLAH KEMAHIRAN INSANIAH

Pertandingan Debat Mahasiswa UTM 2014 anjuran Perpustakaan UTM dengan kerjasama Pejabat Hal Ehwal Mahasiswa & Alumni dan Kelab Debat, Pidato & Pemikiran Kreatif (De'Pikir) telah berlangsung dari 20-21 Disember 2014 bertempat di Bangunan Perpustakaan Sultanah Zanariah UTM Johor Bahru dan peringkat akhir berlangsung di Dewan Banquet, UTM Johor Bahru. Pasukan PERMAS telah dinobatkan sebagai juara dalam pertandingan akhir yang berlangsung di Dewan Bankuet, Bangunan Canseleri UTM. Berhujah selaku pembangkang, pasukan PERMAS dibarisi oleh Mat Nizam Bin Ut, Nur'Ain Binti Mohd Tahir, Kevin Bin Jaffery (Fakulti Geoinformasi & Harta Tanah) dan Enendy John dari Fakulti Sains berjaya menewaskan pencabar dari pasukan 3S1E yang berhujah selaku kerajaan dalam mendebatkan usul "Demi Memartabatkan Ilmu, Dewan Ini Percaya Media Sosial Medan Ilmu Baru."

Upacara perasmian pertandingan akhir debat tersebut telah disempurnakan oleh Ketua Pustakawan Perpustakaan UTM, Puan Kamariah Binti Nor Mohd Desa. Menurut beliau, pertandingan debat merupakan salah satu cara yang terbaik untuk meningkatkan kemahiran insaniah dalam kalangan pelajar yang mana amat diperlukan dalam komunikasi, kepimpinan dan sektor pekerjaan.

"Aktiviti debat dan perbincangan sebegini dapat menyumbang potensi yang besar kepada pembinaan aspek kepimpinan, kemahiran insaniah, kompetensi dan kemahiran komunikasi yang amat penting pada masa kini. Ini semua merupakan perkara-perkara penting bagi membangunkan kemahiran insaniah" ujarnya ketika menyampaikan ucapan.

Sementara itu, wakil dari Pejabat Hal Ehwal Mahasiswa & Alumni (HEMA), Tuan Haji Haron Bin Mohd turut memberi ucapan tahniah di

atas penganjuran aktiviti sebegini yang dapat memberi pengalaman yang menarik kepada pembentukan potensi sebenar seorang pelajar selain dalam bidang akademik. Pertandingan Debat Mahasiswa UTM 2014 kali ini adalah cetusan idea Naib Canselor UTM, YBhg. Prof. Ir. Datuk Dr. Wahid Bin Omar menyaksikan penyertaan sebanyak 8 kumpulan bertujuan memupuk budaya ilmu, semangat ukhuwah dalam kalangan mahasiswa universiti di samping memberi nilai tambah kepada kemahiran insaniah.

Antara pasukan yang mengambil bahagian ialah HAIZUM, FANZURU, CONFEROR, PERMAS, 3S1E, FAKULTI SAINS, NUR KASIH DAN QIYADI.

Pasukan PERMAS selaku johan pertandingan membawa pulang hadiah berupa wang tunai berjumlah RM800.00 serta sijil manakala naib johan membawa pulang RM400.00 serta sijil.

KEEP UP WITH THE LATEST LIBRARY NEWS

Want to know about new resources you could use, pick up tips on finding information or be first to know about upcoming Library events? Here are three ways to keep up-to-date with the latest library developments!

- **Check the Library homepage:**
library.utm.my
- **Subscribe to the UTM Library news blog:**
enter your email address in the subscription box and you receive an email every time we post a new item.
- **Enquiries:**
For any enquiries related to the Library services, please forward your e-mail to **PSZ-ENQUIRY@GROUPS.UTM.MY**

EDITORIAL

Patron:

Kamariah Nor Mohd Desa

Editor-In-Chief:

Noraziah Sharuddin

Editor:

Salina Shamshuri

Editorial Team:

Mohd Razib Karno, Junaidah Abdullah,
Nik Masriza Zakaria, Syahranah A.Raqi,
Salihuddin Bakhri

Circulation:

Mohd Nizam Hashim, Sapuan Jamjuri,
Faridah Patoni, Mohd Firdaus Kusnin

Photography:

Wan Jamal Mohd Ariff

Buletin Perpustakaan is produced quarterly in print and online.

Copyright @ 2014

Please let us know your views!

Telephone: +607-5530109

Email: salinasham@utm.my

Web: library.utm.my

Printed by: FxsigmaTechnology

DARI MEJA EDITOR

Assalamualaikum wbt & Salam 1Malaysia

Sumber Maklumat Elektronik Medan Ilmu Bermanfaat

Sepanjang Oktober hingga Disember 2014 Perpustakaan UTM terus memastikan keberkesanan program literasi maklumat supaya penggunaan sumber ilmu terutama sumber elektronik terus meningkat dalam kalangan pengguna. Justeru, usaha ini adalah diharap dapat meningkatkan program pembudayaan ilmu sepanjang hayat demi kelangsungan aktiviti pengajaran, pembelajaran dan penyelidikan di UTM.

Menurut Reitz (2004), sumber maklumat elektronik boleh didefinisikan sebagai sebarang bentuk alat atau sumber yang mengandungi data atau program yang diproses oleh komputer dan menyediakan maklumat dalam bentuk yang boleh diakses melalui penggunaan komputer dan rangkaian seperti Internet. Ia termasuk dalam bentuk maklumat atau data secara atas talian dan elektronik serta dalam bentuk fizikal seperti CD-ROM, pangkalan data atas talian, buku elektronik dan jurnal elektronik.

Justeru, Perpustakaan UTM menyediakan perkhidmatan sumber maklumat elektronik kepada para penggunanya. Antara sumber maklumat elektronik pelbagai bidang ialah pangkalan data EbscoHost dan Emerald dalam bidang perniagaan dan pendidikan dan pangkalan data ScienceDirect dalam bidang sains dan pendidikan.

Pembangunan dan penggunaan maklumat elektronik di Perpustakaan UTM amatlah penting kerana ia merupakan satu usaha signifikan yang memudahkan pengguna mengakses dan memperolehi maklumat yang dikehendaki dengan cepat dan mudah. Ini kerana penggunaan sumber maklumat elektronik dapat meningkatkan keberkesanan dan kualiti pendidikan dalam proses pembelajaran seseorang pelajar.

Adalah menjadi harapan Perpustakaan UTM, agar semua pengguna di Universiti Teknologi Malaysia (UTM) dan ahli luar dapat memanfaatkan sumber maklumat digital dan elektronik yang terdapat di Perpustakaan UTM hari ini untuk dimaksimakan penggunaannya.

Akhir kata, saya ingin mengucapkan Selamat Membaca kepada semua.

QUOTES OF THE DAY

Every blade of grass is a study; and to produce two, where there was but one, is both a profit and a pleasure.

Abraham Lincoln

PERPUSTAKAAN URUS DATA PENERBITAN UTM



SEMAKAN DATA PENERBITAN UTM CERMIN KERJASAMA PADU PERPUSTAKAAN

Prestasi staf akademik dan penyelidik UTM diukur dengan mengambilkira jumlah penerbitan universiti dalam jurnal berindeks dan petikan (citation) kepada artikel dari Scopus dan Web of Science.

Perpustakaan UTM telah diberi tanggungjawab menyemak data penerbitan ini dengan lebih terperinci menggunakan Research and Development Information System (RADIS) yang boleh diakses di radis.utm.my/rmc.

Semakan data ini telah melibatkan ramai staf perpustakaan dan komitmen serta kerjasama yang telah diberikan bagi memastikan data disemak mengikut jangka masa yang ditetapkan amatlah membanggakan. Latihan memasukkan penerbitan ke sistem RADIS ini juga telah dijalankan oleh staf perpustakaan kepada staf akademik, fakulti dan Pusat-pusat kecemerlangan.



DATABASE WORKSHOPS & TALK

Knowing how to find information efficiently, use it effectively, and evaluate the quality of the information is a major key to success in university courses and later in your chosen career.

Hands on and talk sessions organized by the library are as follows:



Using Scopus & ScienceDirect as Research and Publication Tools; 4 Dec. 2014



Editor Talk by Elaine Tham, Scientific Publishing Maximising Your Research Impact; 13 Oct. 2014



EbscoHost EBooks & Research Databases Workshop; 6 Nov. 2014



Lexis Malaysia Database Workshop; 11 Nov. 2014

QUOTES OF THE DAY

*Learn from yesterday, live for today,
hope for tomorrow.
The important thing is to not stop questioning.
Albert Einstein*

PERKONGSIAN ILMU

"NURANI INSANI : LAIN BANGSA LAIN NEGARA"



Bertempat di Dewan Senat Bangunan Canseleri Sultan Ibrahim, UTM Johor Bahru, Perkongsian Ilmu bersama Ustaz Ellyeen Amineen bin Mohd Salleh, Pegawai Hal Ehwal Islam, Pusat Islam UTM telah diadakan pada 18 November 2014. Sesi kali ini membawa pengalaman semasa beliau menyertai "Program Humble Beginnings: A Humanitarian Project in Sudan" pada 4 hingga 14 Ogos 2014 bertempat di Khartoum, Sudan bersama seramai 10 orang pelajar Majlis Perwakilan Mahasiswa UTM Sesi 2013/2014.



Berdasarkan pengalaman dari beberapa kumpulan yang lepas yang berada di Khartoum, beliau merasakan bahawa walaupun Sudan berada dalam keadaan kemiskinan, rakyatnya sedaya upaya memberikan layanan yang terbaik kepada tetamu serta berpegang teguh kepada ajaran Islam. Senario ini dapat dilihat apabila mereka berhenti menjalankan aktiviti ketika mendengar laungan azan untuk menunaikan tanggungjawab sebagai seorang Muslim. Misi kemanusiaan ini adalah inisiatif untuk membantu sesama Islam dengan melawat ke Rumah Kanak-kanak Maygoma yang terdiri daripada lebih 100 orang anak-anak yatim di bawah umur 1 tahun untuk menderma keperluan seperti lampin dan susu tepung. Tempat lain yang dilawati ialah Hospital Pengajaran Rafaah dan Hospital Pengajaran Wad Medani untuk menyediakan bantuan kewangan kepada keluarga pesakit, Khalwas (Sekolah Pondok) untuk menderma Al-Quran dan bekalan makanan, juga sebuah sekolah rendah untuk menderma keperluan sekolah. Perkongsian pengalaman ini telah menyuntik semangat keinsafan di hati mereka yang hadir mendengar bicara ilmu pada petang tersebut. Semoga usaha sebegini dapat diteruskan demi memupuk perasaan saling membantu dan ukhuwah sesama manusia.

EVEN MORE E-RESOURCES

UTM Library subscribed to several online databases that can be accessed via the Internet from within and outside the campus. Browse Library portal and get access via Ezproxy. Please use Academic Computing ID (ACID) for a username and password.

- Access Science
- Access Engineering - McGraw-Hill
- All Ice Conference Proceeding & Thomas Telford
- American Chemical Society Publications
- American Institute Of Aeronautics & Astronautics
- American Institute of Physics
- American Society of Civil Engineers Library
- American Society of Mechanical Engineers Digital Library
- Annual Reviews
- Association of Computing Machinery Digital Library
- ASTM Standards and Engineering Digital Library
- Begell Digital Library
- BLIS (Bernama Library & Information Services)
- Britannica Academic Edition
- British Standards Online
- Business Monitor Online
- Cambridge Journals
- Datastream
- EBSCOHost (Academic Search Premier, Business Source Premier, Inspec, MEDLINE, SPORTDiscus)
- ECRI Institute
- EdITLib (Education & Information Technology Digital Library)
- Emerald
- Engineering and Applied Science
- Engineering Village
- Food Science And Technology Abstracts
- Frost & Sullivan
- Academic OneFile
- Gartner
- GEOBASE
- GeoScience World
- Henry Stewart Talks
- ICE Virtual Library
- ICONDA
- IEEEExplore Digital Library
- IMF eLibrary-Data
- Index to THESES
- Institute Of Physics Science
- JSTOR
- Journal Citation Report
- LawNet
- Lecture Notes in Computer Science
- Lexis Malaysia
- Malaysian Standards Online
- MathSciNet
- Nature
- NSTP News Archives
- OECD iLibrary
- OnePetro
- Optics InfoBase
- Oxford Journals
- Palgrave MacMillan
- PALMOILIS
- Passport GMID
- Polymer Library
- ProQuest Central
- ProQuest Dissertations & Theses
- Royal Society of Chemistry Journals
- SAE Digital Library
- SAGE Journals
- ScienceDirect
- Scientific.Net
- SciFinder
- Scitation
- SciVal Spotlight
- SciVal Experts
- Scopus
- Society for Industrial and Applied Mathematics (SIAM)
- SPIE Digital Library
- SpringerLink
- Tappi Standards
- Taylor & Francis Online
- Web of Science
- Wiley Online Library
- WSPC journals
- Zentrallblat MATH




UTM OPEN ACCESS ELECTRONIC JOURNALS

Electronic journal titles published by UTM are freely accessible via Library portal.

- Malaysian Journal of Fundamental and Applied Sciences
- Elektrika
- Matematika
- Malaysian Polymer Journal
- Malaysian Journal of Civil Engineering
- Jurnal Mekanikal
- Jurnal Teknologi
- Geoinformation Science Journal
- Jurnal Kemanusiaan

Visit our excellent portal at library.utm.my for guides to help:

- your find and use resources in your subject
- search e-resources
- use the Library catalogue
- information about Library collections services



SEKITAR AKTIVITI PERPUSTAKAAN OKTOBER-DISEMBER 2014



Sekitar Pertandingan Debat Mahasiswa UTM



Program Perkongsian Ilmu

Lawatan dari Staf Perpustakaan UUM Kedah

Lawatan dari Pelajar UniMAP



Lawatan dari Pelajar Kolej Teknologi Pangkalan Chepa, Kelantan

Lawatan dari Rektor, Universitas Riau

Lawatan dari Pelajar Erican Language Johor



Kempen Derma Darah

Kursus Pengacaraan Majlis


KONVENSYEN KUMPULAN INOVATIF DAN KREATIF PERPUSTAKAAN AWAM SEMALAYSIA 2014

Perpustakaan UTM telah menghantar 6 orang wakil sebagai pemerhati ke Konvensyen Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) Perpustakaan Awam SeMalaysia 2014 pada 24 hingga 26 November 2014 yang lalu bertempat di Hotel Copthorne Orchid, Pulau Pinang. Konvensyen ini telah dianjurkan oleh Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Pulau Pinang dengan kerjasama Majlis Pengarah-Pengarah Perpustakaan Awam Malaysia (MPAM).

Sebanyak 20 buah kumpulan KIK terlibat dalam konvensyen kali ini yang terdiri daripada 12 Perpustakaan Awam dan lapan buah Perpustakaan Negeri. Pemerhati daripada Perpustakaan UTM diwakili oleh Encik Fahiezan Md Zan (PRZS) selaku ketua rombongan, Salihuddin Bakhri (PSZ), Mohd Faezan Abd. Jalil (PSZ), Nor Azhar Nasaruddin (PRZS), Nor Iman Ibrahim (PSZKL) dan Mohd Rizal Man (PSZKL).

Penyertaan Perpustakaan UTM sekaligus memberi idea dan anjakan paradigma baru dan mewujudkan kumpulan KIK yang mampu berdaya saing, kreatif dan inovatif untuk penambahbaikan berterusan.

Konvensyen ini secara langsung bertujuan merapatkan serta menjalinkan kerjasama di antara perpustakaan-perpustakaan seluruh Malaysia melalui perkongsian maklumat, teknologi, dan pandangan. Konvensyen ini berjalan dengan jayanya dengan kerjasama dari semua pihak yang terlibat. Diharap segala rekaan dan idea-idea baru dapat menjadi pendorong kepada kumpulan KIK perpustakaan untuk lebih kreatif dan inovatif mencari idea-idea baru untuk manfaat perpustakaan secara menyeluruh.



STRESS IN THE LIBRARY WORKPLACE

UTM Kuala Lumpur Library in collaboration with UTM Kuala Lumpur Counseling Centre organized a program called "Program Mengesan Tahap Tekanan di kalangan Staf UTM" on 30th October 2014. The three hours program which involved 21 library staff and 5 representatives from Counseling Centre aims to identify stress level among UTM staff.

The program began with a one hour presentation on Stress Management from Mr. Zulfikar bin Ahmad, Psychology Officer of Counseling Centre. By using sensors and computer software, Biofeedback Test was also conducted on each staff to show how some of our biological systems, like heart rate, can be influenced to help people feel more relaxed. Through this Biofeedback Test, staff can learn how to use a breathing technique that will help them manage their stress levels.

PERPUSTAKAAN UTM LATIH PELAJAR PRAKTIKAL

Perpustakaan UTM telah menerima kehadiran 6 orang pelajar dari Fakulti Pengurusan Maklumat, UiTM Shah Alam yang telah menjalani latihan industri mulai dari bulan 1 Ogos hingga 31 Disember 2014.

Latihan Praktikal ini memberi peluang kepada pelajar mengaplikasikan pengetahuan dan kemahiran yang telah dipelajari semasa di universiti

ke alam pekerjaan yang sebenar. Di samping itu juga ia bertujuan untuk meningkatkan pengetahuan, kompetensi, kefahaman dan kemahiran serta pengalaman bekerja dalam dunia kepustakawanan.

Perpustakaan UTM mengucapkan selamat maju jaya kepada semua pelajar berkenaan yang telah selesai menjalani latihan praktikal di sini. Semoga mereka mendapat ilmu yang bermanfaat. Kesemua pelajar praktikal berkenaan telah diraikan dalam satu majlis jamuan ringan pada 31 Disember 2014 bertempat di Bilik Mesyuarat, Bangunan Perpustakaan Sultanah Zanariah UTM Johor.



Nama Pelajar Praktikal

1. Mohamad Syaiful Bin Mohd Yusof
2. Fatin Eleena Binti Ab. Rahim
3. Sarah Khadijah Binti Manlani
4. Nur Syuhana Binti Samsudin
5. Siti Zulaiha Binti Salim
6. Nur Ain Binti Ishak

PERSIDANGAN PUSTAKAWAN 2014

Memperkasakan Perpustakaan Melalui Anjakan Paradigma Dalam Kalangan Pustakawan

Persidangan Pustakawan 2014 ini telah diadakan pada 22 hingga 23 Disember 2014 dengan jayanya di Bangunan Perpustakaan Raja Zarith Sofiah, Johor. Persidangan selama dua hari tersebut telah dirasmikan oleh Ketua Pustakawan, Puan Kamariah Binti Nor Mohd Desa.

Di dalam ucap dasarnya, Ketua Pustakawan telah menyentuh mengenai perancangan Perpustakaan dalam RMK ke-11, Petunjuk Prestasi Utama (KAI) 2015 dan sebanyak 13 sesi *soul searching* dalam kalangan pustakawan telah diadakan.

Persidangan ini telah dihadiri oleh seramai 45 orang yang terdiri dari pustakawan, Penolong Pendaftar, Penolong Pegawai Eksekutif Kewangan, Pegawai Teknologi Maklumat dan pustakawan dari cawangan di Kuala Lumpur serta Perpustakaan SPACE.

Dalam sesi *soul searching*, fokus adalah perkongsian pengalaman dan pengetahuan mengenai '*soul searching*' dalam kalangan pustakawan memberikan perkhidmatan kepada pengguna sasaran. Pembentangan khusus terhadap keseluruhan KAI Perpustakaan UTM bagi tahun 2015 telah dibentangkan oleh Timbalan Ketua Pustakawan (Perancangan & Pembangunan) dan Timbalan Ketua Pustakawan (Perkhidmatan) serta Timbalan Ketua Pustakawan (Perpustakaan Raja Zarith Sofiah).

Persidangan ini menjadi platform yang terbaik dalam meningkatkan pengetahuan dan keterampilan pustakawan untuk menjamin penghasilan kerja memenuhi sasaran pengguna, sumber manusia yang berdaya saing dan komuniti yang berilmu. Ini juga penting dalam mencapai wawasan pelan strategik perpustakaan ke arah pembudayaan pembelajaran sepanjang hayat. Hasil daripada persidangan tersebut, beberapa rumusan dan cadangan telah dibuat dan dibentangkan. Dalam ucapan penutup pula, Ketua Pustakawan yakin tahun 2015 akan menyaksikan Perpustakaan UTM terus maju dan cemerlang.

Resolusi Sesi *Soul Searching* Semasa Persidangan Pustakawan

Kelemahan

- Ketinggalan dalam ilmu
- Komunikasi (Silent expectation)
- Kurang kemahiran rundingan (Negotiation skills)
- Kurang keterlibatan dengan staf /pelanggan/*stakeholder*
- Kurang kreatif
- Kurang perkongsian ilmu/maklumat
- Kurang skil kepimpinan
- Kurang kemahiran keusahawanan (Entrepreneurship skills)
- Kurang tegas
- Kurang skil menangani staf bermasalah
- Persepsi
- Personal vs Profesionalism

Penambahbaikan

- Celik IT
- Pemimpin sebagai contoh
- Kemahiran kepimpinan
- Ukhuwah
- Hubungan komunikasi
- Perancangan Penggantian (Succession Planning)
- Pembelajaran/Latihan Berterusan (Continous Learning/Training)
- Jalinan kerjasama
- Galakan berterusan
- Mendepani perubahan dengan segera
- Toleransi



QUOTES ABOUT KNOWLEDGE

The knowledge of anything, since all things have causes, is not acquired or complete unless it is known by its causes.

Ibnu Sina